



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament building in Kuala Lumpur serves as the background for the central text area.

RANG UNDANG-UNDANG
Galakan Pelaburan (Pindaan) 1982
DR.20/1982

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1982.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1984 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

2. Seksyen 29 Akta Galakan Pelaburan 1968 adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 29.
13/68.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “yang termasuklah pengeluaran keluaran-keluaran berkilang di Malaysia” dalam subseksyen (1);

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “secara langsung atau melalui ejen-ejen atau lain-lain perantaraan, akan apa-apa keluaran” dengan perkataan-perkataan “apa-apa keluaran yang dikilang di Malaysia” dalam paragraf (a) subseksyen (2);

- (c) dengan menggantikan paragraf (b) subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(b) amaun potongan yang hendak dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah suatu amaun yang sama banyak dengan 5% daripada pendapatan kasar yang didapati dari pengeksportan keluaran-keluaran yang dikilang di Malaysia dalam tempoh asas itu.”;

- (d) dengan memotong seluruh paragraf (c) subseksyen (2); dan

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “di kilang” dalam paragraf (a) subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “Percuma ke dalam Kapal”; dan dengan memotong perkataan-perkataan “, selepas dipotong apa-apa diskaun perdagangan”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 29 Akta Galakan Pelaburan 1968 untuk mengadakan galakan-galakan yang lebih baik dengan mengadakan suatu kadar potongan baru dari pendapatan kasar sesuatu syarikat yang berdasarkan 5% daripada pendapatan kasar yang didapati dari pengeksportan keluaran-keluaran yang dikilang di Malaysia. Pendapatan kasar itu hendaklah dikira atas nilai P. ke D.K. (Percuma ke dalam Kapal) sebagai ganti nilai di kilang. Dengan pindaan-pindaan itu kedua-dua syarikat pengilangan dan perdagangan (kecuali yang tidak termasuk dalam seksyen 29) adalah layak mendapat elaun eksport bagi keluaran-keluaran yang dikilang di Malaysia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U2) 1209.]